

Pengalaman Mantan Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR): Datuk Dr. Haji Yahya Bin Baba

Mohd Azahan Ahmad
Muhammad Aizat Kamarul Zaman
Nik Azliza Nik Ariffin
Mohd Zairul Masron

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu sejarah lisan yang melibatkan seorang mantan pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang iaitu Datuk Dr. Haji Yahya Bin Baba. Artikel ini membincangkan tentang pengalaman beliau dalam bidang perubatan dan bidang pengurusan hospital kerajaan di Malaysia. Juga disentuh dalam artikel ini adalah latar belakang, pengalaman dalam dunia kedokteran, sumbangan, pencapaian serta anugerah yang pernah beliau terima. Sumbangan beliau dalam memberi idea kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjadikan beliau amat disegani terutamanya idea beliau telah memberikan impak yang besar dalam pembangunan sesebuah hospital mahupun klinik desa. Pengalaman beliau sebagai Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah telah membuka lembaran baharu dalam menaikkan imej sebuah hospital kerajaan di mata rakyat Malaysia amnya dan khususnya penduduk sekitar Klang dalam memberi perkhidmatan terbaik dalam bidang perubatan. Seterusnya, artikel ini juga membincangkan impian beliau dalam melihat dunia kedokteran dan penyampaian perkhidmatan perubatan terbaik boleh diberi kepada pesakit terutama dalam konteks hospital kerajaan.

Kata Kunci: Hospital, Doktor, Perubatan, Pengarah, Pegawai

Abstract

This article is based on a primary source of oral history involving former hospital director of Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, Datuk Dr. Haji Yahya Bin Baba. This article discusses his experience in the field of medicine and government hospital management in Malaysia. This article includes his background, experiences, contributions and achievements. His

contribution to the Ministry of Health Malaysia has given him great respect, especially the idea that he has made a huge impact in the development of a hospitals and a rural clinic. His experience as Hospital Director, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) opened a new chapter in raising the image of a government hospital in the eyes of Malaysians in general and especially the people of Klang in providing the best medical services. In addition, this article also discusses his dream of seeing the world of medicine and delivering the best medical services to patients especially in the context of government hospitals.

Keywords: Hospital, Doctor, Medical, Director, Officer

Pengenalan

Hospital ialah tempat pesakit menerima rawatan daripada doktor, pembantu perubatan, jururawat, bidan atau petugas kesihatan yang lain. Hospital lebih besar daripada poliklinik, klinik, pusat kesihatan atau klinik desa. Di Malaysia, hospital yang terbesar ialah Hospital Besar Kuala Lumpur. Hospital memainkan peranan penting dalam sebuah negara khususnya Malaysia. Contohnya, kemudahan hospital yang selesa yang menjadikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat meningkat dari semasa ke semasa dengan kemudahan yang sedia ada. Menurut Muhammad (2019), negara ini sudah lama mempunyai kualiti penjagaan kesihatan berkelas dunia. Ini berdasarkan laporan dari sebuah organisasi yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) iaitu *International Living* telah meletakkan Malaysia sebagai negara teratas untuk kategori penjagaan kesihatan dalam Indeks Persaraan Global. Apa yang lebih membanggakan, kedudukan itu bertahan selama tiga tahun berturut-turut bermula dari tahun 2015 hingga 2017. Tanpa kemudahan hospital yang lengkap, kesihatan dan kesejahteraan akan terjejas dan ia akan memberi kesan kepada pembangunan rakyat di Malaysia.

Menurut Muhammad (2019), hospital juga memerlukan sistem pengurusan yang sistematik dan cekap untuk mengawal dan memastikan kepuasan pengguna dan dapat memenuhi kehendak pengguna dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak hospital. Menurut, Prugsiganont dan Jensen (2019), pengurusan hospital yang baik dan produktif membantu hospital dalam memberi servis and khidmat yang terbaik kepada pesakit dan pada masa yang sama, dapat menjimatkan kos hospital dengan memaksimumkan penggunaan kos secara bijak. Manakala, pengurusan yang negatif dan tidak efektif memberi kesan yang buruk kepada hospital tersebut

dan memberi pandangan yang kurang baik dari pihak luar yang akan menjejaskan imej hospital tersebut. Pengalaman yang luas dan kepakaran tinggi yang diperlukan dalam bidang pengurusan hospital menyebabkan lahirnya tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang pengurusan hospital di Malaysia seperti Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pengurusan hospital. Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba juga merupakan mantan Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang. Pengalamannya dalam bidang pengurusan hospital menjadi aset yang sangat berharga serta mampu memberi inspirasi kepada anak muda yang mempunyai minat dalam bidang pengurusan hospital.

Latar belakang Datuk Dr. Haji Yahya bin Baba

Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba merupakan anak jati Bandar Hilir Melaka dan dilahirkan pada 27 Januari 1954. Beliau menetap di Bandar Hilir, Melaka. Setelah bapanya bersara, beliau berpindah di Durian Tunggal, Melaka. Beliau merupakan anak kepada Baba Bin Senin yang merupakan seorang warden sekolah, guru mengaji dan juga guru Silat Kuntao. Ibu beliau, Loyah Binti Latip pula merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Beliau merupakan anak ketiga dari empat orang adik beradik dan telah mendirikan rumah tangga pada 31 Ogos tahun 1980 bersama Datin Dr. Siti Ropeah binti Yusoff. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka telah dikurniakan lima orang cahaya mata, empat orang putera dan satu puteri. Beliau merupakan seorang yang sangat tegas dan disiplin dalam mendidik anak-anak. Walaupun beliau dan isteri sibuk dengan tugas di hospital dan klinik tetapi beliau masih mementingkan masa bersama keluarga seperti membawa anak ke masjid. Itu cara beliau meluangkan masa dan mendidik anak beliau walaupun dengan kekangan masa yang dihadapi sebagai seorang doktor.

Latar belakang pendidikan

Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba pada awalnya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Teluk Mas, Melaka dan mengikut bapanya berpindah ke daerah Bandar Hilir di mana beliau bertukar ke sekolah kebangsaan Bukit Cina sehingga tamat darjah enam. Beliau menyambung pelajarannya diperingkat menengah di *Gajah Berang Modern*

School yang mana namanya telah ditukar menjadi Sekolah Tun Tuah sebelum bertukar pula ke *Melaka High School* sehingga lulus *Malaysian Certificate of Education (MCE)* dan kemudian bersekolah di STAR (Sekolah Tengku Abdul Rahman), Ipoh untuk mengambil peperiksaan *Higher School Certificate Cambridge (HSC)* sehingga lulus cemerlang dan melayakkan beliau menyambung pelajaran ke peringkat universiti dalam bidang perubatan.

Pada tahun 1976, beliau telah ditawarkan untuk menyambung pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang perubatan. Beliau juga merupakan anak warden melayu pertama di Malaysia yang melanjutkan pelajaran dalam bidang ini yang mana bapanya merupakan warden di Sekolah Henry Gurney, Melaka. Ketika belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau merupakan ketua pelajar yang aktif dalam persatuan, salah satu contoh persatuan berbentuk keagamaan yang mirip seperti perjuangan Al-Arqam. Persatuan yang beliau cemburi ini lebih banyak memperjuangkan isu-isu agama islam dikalangan pelajar islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebagai contoh antara perjuangan beliau bersama rakan seperjuangan adalah mengadakan Hari Maal Hijrah peringkat kampus dan mewajibkan pemakaian tudung penuh bagi siswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terutama pelajar bidang perubatan.

Karier sebagai Pegawai Perubatan

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai pegawai perubatan pada tahun 1983 setelah menamatkan pengajian dalam bidang perubatan pada tahun 1982. Adalah menjadi kebiasaan dan keutamaan dalam kerjaya pegawai perubatan dimana seseorang pegawai perubatan yang akan berkhidmat di hospital-hospital kerajaan di Malaysia perlu melalui fasa *Houseman* (pegawai perubatan siswazah). Ketika beliau berkhidmat sebagai *Houseman*, beliau telah memilih keutamaan dalam bidang *pediatric* (perubatan kanak-kanak) dan telah ditempatkan buat kali pertama di Hospital Kuala Lumpur.

Beliau telah banyak mendalami ilmu-ilmu perubatan kanak-kanak di hospital terbesar di Malaysia ini sebelum bertukar ke Hospital Melaka sehingga tahun 1986. Beliau telah mengambil keputusan untuk melupakan bidang klinikal terutama dalam bidang perubatan kanak-kanak yang mana ianya merupakan tugas yang amat beliau minati atas sebab tertentu. Beliau telah bertukar ke bidang kesihatan awam setelah melanjutkan pelajaran di

peringkat ijazah sarjana dalam bidang kesihatan awam. Atas sebab tersebut banyak tempat kerja beliau adalah di pejabat kesihatan daerah ataupun klinik kesihatan daerah. Sebagai contoh beliau telah dinaikkan pangkat dan berkhidmat sebagai Pegawai Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan Daerah Hulu Langat pada tahun 1992 sebelum diberi kepercayaan untuk berkhidmat di ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya pada tahun 1996 sebagai Timbalan Pengarah, di Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Atas khidmat yang cemerlang, beliau dinaikkan pangkat sebagai pengarah di Bahagian Pendidikan Kesihatan pada tahun 1998 hingga 2000. Pada tahun 2000 juga beliau telah mengetuai Bahagian Kawalan Kualiti Makanan dan telah diberi kepercayaan untuk mengetuai Bahagian Promosi Kesihatan pada tahun 2002.

Pengalaman sebagai Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah

Bermula pada tahun 2005 hingga 2008 beliau telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk berkhidmat sebagai Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, Selangor. Banyak pengalaman pahit dan manis ketika beliau berkhidmat di sini yang mana umum mengetahui daerah Klang merupakan kawasan padat penduduk yang berbilang kaum dan juga ramai warga asing yang menuntut khidmat perubatan yang terbaik. HTAR juga merupakan hospital kerajaan berstatus hospital negeri yang mempunyai banyak bidang kepakaran dan merupakan hospital rujukan di negeri Selangor terutama bagi hospital berdekatan seperti Hospital Banting dan Hospital Tanjung Karang.

Antara pengalaman yang beliau tidak boleh lupakan adalah berkaitan dengan *medical negligence* di mana ada kumpulan pegawai perubatan dan paramedik telah melakukan kecuaiian terhadap pesakit. Atas sebab itu, satu jawatankuasa khas dalaman dan luaran telah ditubuhkan bagi menyiasat kes tersebut serta mencari kaedah penyelesaian agar kes ini tidak berulang lagi di masa hadapan.

Beliau juga merupakan seorang ketua yang amat bertimbangrasa kepada pegawai bawahan beliau. Beliau amat menitikberatkan kerjaya masa hadapan dengan menggalakkan pegawai bawahan seliaan beliau untuk melanjutkan pelajaran bagi menimba ilmu samada bidang perubatan, paramedik mahupun pengurusan.

Anugerah dan Sumbangan

Beliau menganggap anugerah Darjah Pangkuan Seri Melaka pada tahun 2011 yang telah dianugerahkan oleh kerajaan negeri Melaka merupakan suatu kebanggaan bagi keluarga beliau. Ini kerana beliau merupakan satu-satunya dalam keluarga yang dianugerahkan gelaran Datuk. Beliau juga berterima kasih kepada Dr. Aisyah Ong yang merupakan pengarah Lembaga Promosi Kesihatan kerana mencadangkan nama beliau kepada kerajaan negeri Melaka untuk menerima pingat dan anugerah. Selain itu, beliau juga dianugerahkan Kesastria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1997. Beliau juga menerima anugerah *Man of the Year in Medicine and Healthcare* oleh Institut Biografi Amerika pada tahun 2010. Seterusnya, sempena sambutan Maulidur Rasul 1435H, Peringkat Negeri Selangor pada tahun 2013, beliau telah dikurniakan Anugerah Khas Umar Abdul Aziz.

Antara sumbangan beliau ketika memegang jawatan sebagai pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) ialah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Islam di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR). Tugas Jabatan Hal Ehwal Islam ialah mengawasi sindiket pengurusan jenazah yang berlaku di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan juga Jabatan Hal Ehwal Islam membantu pesakit dalam memberikan panduan bagaimana melakukan ibadah ketika sakit dan membantu memberi nasihat nama anak yang baik. Selain itu, ketika beliau menjawat jawatan sebagai pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), beliau telah menjalankan kerjasama bersama Calcutta Universiti dari India, untuk mencipta kaki palsu yang lebih ringan dan murah berbanding kaki palsu yang ada di pasaran sekarang. Beliau juga berjaya mengurangkan waktu menunggu untuk pesakit katarak mata kepada seminggu berbanding 4 tahun sebelum ini.

Aktiviti selepas bersara

Setelah bersara, Datuk Dr. Haji Yahya bin Baba menjadi pengerusi Klinik Siti yang diuruskan oleh anak beliau. Selain itu, beliau juga terlibat sebagai pemeriksa luar di *London University of College*. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi di Kolej Astin. Di samping itu, beliau banyak mengisi masa lapang dengan menyertai badan bukan kerajaan iaitu Briged Bakti Malaysia. Beliau menyertai Briged Bakti Malaysia pergi membuat sumbangan dan

kebajikan dan usaha dakwah di Kepulauan Cebu di Filipina. Beliau dan Briged Bakti Malaysia membina pusat Islam yang dinamakan *Islamic Learning Centre*. Antara tugas dan aktiviti dilakukan di sana lah ialah berdakwah pada orang yang bukan Islam dan memberikan bantuan kepada mereka seperti bekalan air, makanan, dan juga memperbaiki ekonomi.

Kesimpulan

Perjalanan dalam menyiapkan sejarah lisan ini dapat membantu para pelajar menghargai peluang untuk bertemu dengan tokoh yang berpengalaman di pelbagai bidang, terutamanya bidang pengurusan hospital yang ada di dalam negara. Maklumat yang terdapat dalam penyelidikan sejarah lisan bersama Datuk Dr. Haji Yahya bin Haji Baba dapat membantu dalam memahami lagi situasi yang dihadapi bidang pengurusan hospital di Malaysia.

Oleh itu, dengan adanya kajian sejarah lisan ini, diharapkan ia dapat membantu dalam memberi pendedahan mengenai bidang pengurusan hospital untuk kegunaan pada masa hadapan dan masyarakat di luar sana. Tujuan sejarah lisan ini dijalankan adalah untuk mengetahui latar belakang tokoh, sumbangan dan pencapaian beliau sepanjang beliau berada dalam bidang yang diceburinya, serta mengetahui kehidupan beliau selepas bersara dari bidang tersebut, iaitu dalam pengurusan hospital. Diharapkan kajian yang telah dilakukan ini dapat memberi dan membantu masyarakat menghargai dan mendalami bidang pengurusan hospital dalam negara.

Rujukan

- Administrator3. (n.d.). Statistik HTAR. Retrieved from <https://htar.moh.gov.my/statistik/586-statistik-htar>.
- Muhammad, A. G. & N. (2019, July 3). Malaysia syurga pelancongan kesihatan. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/35564/SISIPAN/Sinar-Aktif/industry-pelancongan-kesihatan>
- Muhammad, A. G. & N. (2019, July 8). 'Hospital di Malaysia bertaraf dunia'. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/36428/SISIPAN/Sinar-Aktif/hospital-Malaysia-setaraf-dunia>.
- Prugsiganont, S., & Jensen, P. A. (2019). Identification of space management problems in public hospitals. *Facilities*, 37(7/8), 435–454. doi: 10.1108/f-01-2018-0001
- Yahya Datuk Dr. Haji Baba. (2019, Oct 21). Biografi Datuk Dr. Haji Yahya bin Baba mengenai pengalaman beliau sebagai pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.